

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATO' SRI HAJI ISMAIL BIN ABD. MUTTALIB**  
**KAWASAN : MARAN**  
**TARIKH : 08 OKTOBER 2019 (SELASA)**

**SOALAN :**

**YB DATO' SRI HAJI ISMAIL BIN ABD. MUTTALIB** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah hasil kajian berkaitan penurunan kadar tol yang telah dilakukan oleh perunding bebas yang dilantik Kerajaan. Bilakah Kerajaan akan mengumumkan hasil kajian kepada awam.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Memorandum Jemaah Menteri berhubung dengan Kajian Halatuju Industri Lebuh raya Bertol di Malaysia telah dibentangkan kepada Jemaah Menteri pada 2 Oktober 2019 yang lalu. Kajian tersebut telah mengambil kira pelbagai senario dan alternatif untuk kerajaan menangani isu tol ini. Terdapat beberapa perkara yang perlu diperhalusi dengan lebih terperinci sebelum sebarang keputusan dibuat.

Sekian, terima kasih.